

Halaman 2

- Pengurusan Tertinggi  
Universiti Darul Iman Malaysia
- Sidang Pengarang
- Graduan  
Konvokesyen Pertama

Halaman 3

- Rencana

Halaman 6

- KEMUDAHAN
  - Laboratory Facilities

Halaman 9

- Seni dan Kebudayaan

Halaman 12

- PENGURUSAN  
dari Naib Canselor

Halaman 14

- Aktiviti Pelajar

Halaman 19

- Seminar & Bengkel

Halaman 21

- Falak

Halaman 22

- Flora dan Fauna

# Konvokesyen Pertama UDM



**Pengurusan Tertinggi  
Universiti Darul Iman Malaysia**

- **YBhg. Dato' Prof. Dr. Alias bin Daud**  
Naib Canselor
- **Prof. Dr. Mohd Afandi bin Muhamad**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- **Prof. Dr. Abdul Manaf bin Ali**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- **En. Nurul Huda @ Ariffin Muda**  
Pendaftar
- **En. Baharin Bin Salim @ Abdullah**  
Bendahari

**Sidang Pengarang Buletin UDM**

- **Hasrom Haron**  
Editor / Pengerusi
- **Azizah Endut**  
Timbalan Editor  
Dekan, Fakulti Bahasa dan Komunikasi

**Ahli Sidang Pengarang**

- **Dr. Abdul Hakim Abdullah**  
Pegawai Khas, Naib Canselor
- **Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi**  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
- **Prof. Madya Dr. Nashriyah binti Mat**  
Fakulti Pertanian dan Bioteknologi
- **Anuar Cornelius Abdullah McAfee**  
English editor Fakulti Bahasa dan Komunikasi
- **Ismail bin Musa**  
Timbalan Pendaftar
- **Rosliza bt Abdul Razak**  
Unit Komunikasi Korporat
- **Aduka Mohd Ariffin**  
Jurufoto, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
- **Zurina Mansor**  
Setiausaha Pusat Penerbitan

*Selamat  
menyambut puasa  
dan  
Raya Aidil Fitri*

Buletin UDM diterbitkan dua kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Darul Iman Malaysia.

Hak cipta 2009

Editor, Pusat Penerbitan, Kampus KUSZA, Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu Tel 09-665-3615 Faks 09-667-3896 Emel: hasrom@udm.edu.my Tel 09-665-3614 (Setiausaha) aniruzurina@yahoo.com Laman web: <http://udm@edu.my>

**GRADUAN KONVOKESYEN PERTAMA  
UNIVERSITI DARUL IMAN MALAYSIA, 13-16 JULAI 2009**

PROGRAM	SESI 2006/07	SESI 2007/08	SESI 2008/09	JUMLAH
<b>FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM</b>				
1. Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin) dengan Kepujian		16	35	51
2. Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) dengan Kepujian		40	37	77
3. Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Dakwah) dengan Kepujian		18	39	57
4. Diploma Pengajian Islam (Bahasa dan Kesuasteraan Arab)	27	19	25	71
5. Diploma Pengajian Islam (Dakwah)	29	24	30	83
6. Diploma Pengajian Islam (Al-Quran dan As-Sunnah)	52	53	58	163
7. Diploma Pengajian Islam (Sejarah dan Tamadun Islam)	10	26	23	59
8. Diploma Pengajian Islam (Pentadbiran Islam)	34	34	52	120
9. Diploma Pengajian Islam dengan Teknologi Maklumat	30	41	47	118
10. Diploma Pengajian Islam (Syariah)	79	146	86	311
11. Diploma Pengajian Islam (Usuluddin)	42	47	73	162
12. Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)			27	27
13. Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (Pendidikan Islam)			33	33
<b>JUMLAH</b>	<b>303</b>	<b>464</b>	<b>565</b>	<b>1,332</b>
<b>FAKULTI UNDANG -UNDANG &amp; HUBUNGAN ANTARABANGSA</b>				
1. Diploma Undang -Undang	31	35	37	103
<b>JUMLAH</b>	<b>31</b>	<b>35</b>	<b>37</b>	<b>103</b>
<b>FAKULTI INFORMATIK</b>				
1. Diploma Teknologi Maklumat	33	69	69	171
2. Diploma Teknologi Maklumat (Multimedia)	12	39	26	77
<b>JUMLAH</b>	<b>45</b>	<b>108</b>	<b>95</b>	<b>248</b>
<b>FAKULTI REKA BENTUK INOVATIF &amp; TEKNOLOGI</b>				
1. Diploma Teknologi Pembuatan	24	30	10	64
2. Diploma Rekabentuk Perindustrian	15	32	26	73
<b>JUMLAH</b>	<b>39</b>	<b>62</b>	<b>36</b>	<b>137</b>
<b>FAKULTI BAHASA &amp; KOMUNIKASI</b>				
1. Diploma TESL	68	58	50	176
2. Diploma Bahasa Arab Dengan Pendidikan	85	62	54	201
<b>JUMLAH</b>	<b>153</b>	<b>120</b>	<b>104</b>	<b>377</b>
<b>FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN &amp; PERAKAUNAN</b>				
1. Diploma Perdagangan Antarabangsa	31	24	44	99
2. Diploma Pemasaran	28	43	42	113
3. Diploma Kewangan	36	66	63	165
4. Diploma Perakaunan	50	42	42	134
5. Diploma Pengurusan Sumber Manusia	30	51	51	132
6. Diploma Pengajian Bank	51	35	61	147
7. Diploma Pengajian Insurans	23	36	43	102
<b>JUMLAH</b>	<b>249</b>	<b>297</b>	<b>346</b>	<b>892</b>
<b>FAKULTI PERUBATAN &amp; SAINS KESIHATAN</b>				
1. Diploma Kejururawatan	28	58	53	139
2. Diploma Radiografi			23	23
3. Diploma Teknologi Makmal Perubatan			29	29
<b>JUMLAH</b>	<b>28</b>	<b>58</b>	<b>105</b>	<b>191</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>848</b>	<b>1,144</b>	<b>1,288</b>	<b>3,280</b>

# *Yang cemerlang, terbilang*

Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi

Fakulti Pengajian Islam Kontemporari

Tahniah dan syabas diucapkan kepada para graduan UDM kerana berjaya menamatkan pengajian dan seterusnya menerima diploma dan ijazah masing-masing pada hari yang bersejarah ini. Adalah diharapkan moga graduan yang hadir pada konvokesyen UDM kali ini adalah graduan yang dinobatkan cemerlang dalam akademik, kurikulum dan sahsiahnya.

Kejayaan cemerlang yang diperolehi hari ini adalah satu nikmat kurniaan Allah s.w.t. yang wajib disyukuri. Ini kerana para graduan dapat menamatkan pengajian dengan jayanya. Oleh itu, diharapkan segala usaha gigih para graduan sekalian selama ini akan diteruskan lagi hingga ke peringkat yang lebih tinggi. Anggaplah kejayaan yang dicapai hari ini sebagai sebahagian daripada perjalanan yang masih panjang. Segala yang diperolehi setakat hari ini seharusnya membuatkan para graduan sekalian ingin terus menimba ilmu pengetahuan kerana ilmu pengetahuan ini tiada sempadan dan penghujungnya.

Ucapan tahniah juga dikalungkan kepada para ibu bapa yang begitu sabar serta tabah memberi sokongan moral dan material sepanjang pengajian anak-anak mereka di institusi ini. Diharapkan segala pengorbanan para ibu bapa akan sentiasa dihargai oleh graduan sekalian. Begitu juga, janganlah lupukan didikan, tunjuk ajar, dorongan dan

bimbingan para pensyarah dan tenaga pengajar yang turut menyumbang kepada kejayaan dan pencapaian para graduan sekalian. Hargailah jasa mereka dalam membentuk dan mendidik anda selama ini.

Menjadi seorang yang berilmu merupakan anugerah yang tidak ternilai harganya. Ia menambah nilai modal insan yang sangat diperlukan oleh negara. Ilmu adalah benteng penting dalam mendepani arus globalisasi, yang bukan sahaja berbentuk ekonomi semata-mata, sebaliknya turut mencakupi bidang politik, sosiobudaya dan keilmuan.

Oleh yang demikian, negara kita sangat memerlukan modal insan yang berteraskan agama. Tanpa agama amat mustahil insan dapat dibangunkan. Oleh itu ilmu agama yang berpaksikan al-Quran dan sunnah wajib dijunjung secara serius. Ilmu pengetahuan sahaja tidak semestinya dapat melahirkan individu masyarakat yang unggul jika individu tersebut tidak mengamalkan atau memiliki nilai-nilai murni. Keseimbangan ilmu dan nilai murni ini perlu bangun seiring demi melahirkan seorang individu yang seimbang yang mempunyai ciri-ciri personaliti yang unggul dan cemerlang.

Pembangunan sumber manusia adalah salah satu prasyarat utama untuk mencapai kemajuan sesebuah negara lebih-lebih lagi dalam era k-ekonomi. Teras struktur dan tumpuan pendidikan masa kini sama ada di IPTA, mahu pun di IPTS tertumpu kepada matlamat membangun dan melahirkan sekumpulan profesional yang berpendidikan bersepada dan holistik, berkemahiran, berketrampilan, bermotivasi tinggi dan berakhlik mulia. Justeru itu, UDM berhasrat untuk menjadi institusi pengajian tinggi bertaraf antarabangsa yang melahir dan membentuk pemimpin yang berbakat dan pemikirannya diasuh, diperkayakan dengan ilmu, budaya tinggi dan akhlak yang luhur. Ini bersesuaian sekali dengan kehendak pasaran semasa, yang sentiasa menginginkan kecermerlangan insan yang bersifat bersepada dan seimbang yang mampu menguasai, bukan sekadar satu bidang, malah dalam pelbagai bidang kehidupan.

Kecemerlangan tamadun Islam membuktikan bahawa ilmu Islam bersifat sepada. Prinsip ini telah melahirkan sarjana-sarjana muslim yang mampu menguasai kedua-dua bidang ilmu fardu ain dan fardu kifayah. Ibnu Sina, al-Zahrawi dan Ibnu Rushd sebagai contoh, bukan setakat pakar dalam perubatan, tetapi juga diiktiraf sebagai ulama kerana kemampuan mereka menguasai ilmu agama.

Para graduan janganlah mendabik dada menyatakan ilmu yang sedia ada telah memadai tetapi jika diberi kesempatan untuk belajar lagi, teruskan cita-cita itu. Teruskanlah menerokai ilmu. Sejarah tamadun manusia menunjukkan bahawa bangsa yang berjaya adalah mereka yang sentiasa menerokai ilmu. Dengan ilmu juga, para graduan dapat menghasilkan penemuan baru untuk membantu negara meningkatkan kualiti hidup masa yang akan datang.

Tahniah sekali lagi!

# Kualiti kehidupan: Apa dan mengapa?

Prof. Madya Dr. Lua Pei Lin

Pusat Kajian Klinikal dan Kualiti Hidup, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Sejarah telah mengenalpasti bahawa antara istilah kualiti kehidupan (quality of life, QoL) yang terawal telah mula digunakan oleh Presiden Amerika Syarikat, Dwight Eisenhower pada pertengahan tahun 60an dalam ucapannya Report of the President's Commission and National Goals in the United States. Namun kekeliruan istilah ini masih berleluasa di mana banyak pihak masih tersalah mentafsirkan QoL sebagai seerti dengantara kehidupan (Standard of Living) yang sebenarnya mencakupi aspek-aspek asas kehidupan yang lebih objektif seperti makanan, pakaian, tempat berteduh, pendapatan, pendidikan dan pelbagai lagi keperluan asas fizikal untuk keselesaan hidup. Walhal QoL lebih tertumpu kepada perasaan, persepsi kendiri dan harapan yang muncul daripada sesuatu perkhidmatan atau keperluan yang disediakan. Oleh itu,

seseorang boleh mengecapi taraf hidup yang tinggi tetapi memiliki QoL yang rendah, ataupun sebaliknya. Rajah 1 di bawah ini menunjukkan satu gambaran sistem model QoL:



Rajah 1. Sistem Model QoL (The University of Oklahoma, School of Social Work)

di negara kita, Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) sebenarnya lebih menjurus ke arah penilaian taraf kehidupan seperti yang telah disebutkan tadi. Ia adalah indeks komposit yang berdasarkan kepada indeks yang meliputi sebelas komponen berikut (Unit Perancang

Ekonomi, 2004):

- Pendapatan dan pengagihan
- Persekutaran kerja
- Pengangkutan dan komunikasi
- Kesihatan
- Pendidikan
- Perumahan
- Alam sekitar
- Kehidupan keluarga
- Penyertaan sosial
- Keselamatan awam
- Kebudayaan dan hiburan

Dari sudut kedudukan Malaysia di dunia, tinjauan Indeks Kualiti Hidup Sedunia 2008 dipaparkan dalam Rajah 2 di bawah ([www.austrade.gov.au/.../default.aspx](http://www.austrade.gov.au/.../default.aspx)): Di sebalik penggunaan istilah QoL yang meluas ini, seperkara

## Worldwide Quality of Life Index – 2008<sup>(1)</sup>

Rank	2004 Score		2005 Score		2006 Score		2007 Score		2008 Score	
1	Austria	9.44	Australia	9.48	Austria	9.58	Austria	9.71	Switzerland	9.71
2	Switzerland	9.35	Austria	9.42	Switzerland	9.41	Switzerland	9.45	Austria	9.64
3	Australia	9.35	Switzerland	9.29	Denmark	9.36	Norway	9.25	Australia	9.28
4	Norway	9.31	Norway	9.08	Norway	9.34	Australia	9.24	Canada	9.27
5	Canada	9.24	Denmark	9.05	Australia	9.22	Luxembourg	9.21	Luxembourg	9.21
6	Luxembourg	8.84	Canada	9.03	Canada	9.15	New Zealand	9.10	Norway	9.16
7	Denmark	8.72	Finland	9.02	Luxembourg	8.89	Denmark	9.08	Sweden	9.08
8	Germany	8.68	Luxembourg	8.88	Belgium	8.83	Canada	8.96	Denmark	8.98
9	New Zealand	8.68	Belgium	8.57	Germany	8.73	Singapore	8.96	Netherlands	8.91
10	Finland	8.68	New Zealand	8.50	Finland	8.73	Netherlands	8.74	New Zealand	8.91
11	Belgium	8.43	Germany	8.47	New Zealand	8.71	Sweden	8.65	Germany	8.89
12	Netherlands	8.38	USA	8.43	Sweden	8.58	Germany	8.54	Singapore	8.89
13	Sweden	8.27	Netherlands	8.35	Netherlands	8.42	Finland	8.49	Belgium	8.71
14	Singapore	8.14	Ireland	8.03	Ireland	8.32	Belgium	8.47	USA	8.53
15	USA	8.11	Singapore	8.00	Singapore	8.30	Ireland	8.00	Ireland	8.39
16	France	8.03	France	7.98	USA	8.29	USA	7.90	France	8.17
17	Spain	7.77	Sweden	7.97	France	8.20	Spain	7.85	Finland	8.12
18	Ireland	7.59	Spain	7.57	Hong Kong	7.52	France	7.73	Spain	7.71
19	UK	7.42	UK	7.46	Spain	7.47	Czech Republic	7.31	Czech Republic	7.59
20	Malaysia	7.41	Italy	7.05	Malaysia	7.41	Israel	7.21	Malaysia	7.43

(1) IMD World Competitiveness Yearbook Executive Opinion Survey based on an index from 0 to 10. The IMD included 55 economies in the 2008 survey.  
Sources: Institute for Management Development (IMD), Switzerland, World Competitiveness Online (Updated: May 2008); Austrade

yang masih tidak dapat dijelaskan secara kekal dan dipercayai tidak akan dapat dilakukan sampai bila-bila pun ialah mengutarakan definisi QoL yang universal dan dapat diperlakukan oleh segenap lapisan masyarakat. Mengapa? Jawapannya tertanam di dalam ciri-ciri unik QoL itu sendiri, yang paling menonjol ialah sifatnya yang dinamik (sentiasa berubah-ubah mengikut masa), subjektif (berbeza dengan kecantikan, pengertian QoL itu sendiri haruslah terbit daripada orang yang diperhatikan, bukan orang yang memerhati – quality of life lies in the eyes of the beholder) dan multidimensional (kewujudan lebih daripada satu aspek membuatkan individu berlainan akan memiliki persepsi yang berbeza di antara satu sama lain). Sebab itulah QoL adalah spesifik dan tersendiri, menjadikan kajian mengenainya sesuatu yang bukan mudah atau senang ditafsir. Inilah cabaran terhebat kepada para pengkaji dan saintis terlibat.

Meskipun arus pemodenan dan inovasi dalam perubatan dan sains kesihatan masa kini telah menghasilkan pelbagai terapi terkini yang canggih, parapenyelidiknya semakin peka terhadap kepentingan kecaknaan terhadap kesan rawatan perubatan ke atas diri manusia keseluruhannya dan bukan hanya tertumpu kepada kesan fizikal dan biologikal semata-mata.

Ini sejajar dengan definisi Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun 1948 yang menyatakan, "Health is a state of complete physical, mental and social well-being and not merely the absence of disease and infirmity". Dengan kata lain, seseorang yang sihat mestilah sihat dari sudut fizikal, mental dan sosialnya dan bukan semata-mata kerana tidak berpenyakit atau tidak berupaya.

Justeru itu, bermulalah era kajian kualiti kehidupan berkaitan kesihatan (health-related quality of life, HRQoL) yang sebenarnya mula diamalkan oleh komuniti pengamal kesihatan yang prihatin terhadap kesan rawatan perubatan yang drastik dan agresif ke atas keseluruhan aspek kehidupan seseorang pesakit. Contoh terbaik ialah rawatan kimoterapi yang bukan sahaja membunuh sel-sel kanser tetapi juga menimbulkan banyak kesan sampingan yang memudaratkan serta menjelaskan kesejahteraan hidup. Oleh itu, tumpuan rawatan kini adalah bukan mengubati sesuatu penyakit semata-mata

tetapi juga bertujuan memastikan keselesaan serta kesejahteraan hidup yang optimum kepada pesakit dan keluarga. Fokus terhadap HRQoL ini semakin kritikal di kalangan pesakit terminal atau paliatif yang menderita penyakit yang tidak dapat disembuhkan lagi. "Palliative care is an approach that improves the quality of life of patients and their families facing the problem associated with life-threatening illness", begitulah bunyi ungkapan pengertian Penjagaan Paliatif yang diutarakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia - sekaligus menekankan kepentingan HRQoL yang tidak dapat disangkal lagi. Berdasarkan sebab-sebab inilah, penyelidik-penyelidik HRQoL muncul seawal era 70an lagi bagi memperjuangkan kepentingan pengukuran HRQoL dalam penilaian keberkesanan rawatan perubatan di seluruh dunia.

UDM selaku IPTA juga turut berperanan menyemai dan merancakkan penyelidikan HRQoL dengan


tertubuhnya Pusat Kajian Klinikal dan Kualiti Hidup (PKKKH) (Centre for Clinical and Quality of Life Studies, CCQoLS) pada Februari 2009 di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan. Menerusi kerjasama erat dengan pihak TNC (Penyelidikan dan Inovasi), Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) serta Fakulti Pertanian dan Bioteknologi, pusat ini antara lain akan

mempelbagaikan lagi proses penerokaan ilmu di UDM khususnya menerusi penyelidikan klinikal yang digabungkan dengan elemen kemanusiaan yang berlandaskan konsep bukti-bukti saintifik yang kukuh (evidence-based medicine) serta perubatan holistik (holistic medicine). Tumpuan khas akan diberikan terhadap kajian klinikal produk-produk herba, semulajadi, farmaseutikal, bukan farmaseutikal serta inovasi model rawatan kesihatan yang diterapkan dengan elemen HRQoL atau komponen kemanusiaan, humanistik, psikososial dalam rawatan penyakit kronik dan terminal. PKKKH dijangka bakal menguntungkan UDM dan masyarakat Terengganu khususnya serta negara amnya menerusi kegiatan penyelidikan in vivo intensif yang berlandaskan amalan klinikal terbaik yang disulami etika kemanusiaan yang luhur.




# Laboratory Facilities

Faculty of Agriculture and Biotechnology  
Assoc. Prof. Dr. Nashriyah Mat, Salmah Tajuddin,  
Burhanuddin Shamsuddin and Muhamad Afif Khamaruddin.



## Introduction



Laboratory facilities of the Faculty of Agriculture and Biotechnology are currently situated at the City Campus, Kuala Terengganu. There are fifteen laboratories including bioinformatics laboratory. The facilities are listed as below:

1. Biochemistry Laboratory.
2. Microbiology and Molecular Biology Laboratory.
3. Histology Laboratory.
4. Microscopy Laboratory.
5. Chemistry Laboratory.
6. Tissue Culture (Plant and Animal) Laboratory.
7. Animal Science Laboratory.
8. Postgraduate Laboratory.
9. DNA Sequencing Room.
10. Preparation Room 1.
11. Preparation Room 2.
12. Autoclave Room.
13. Wash Room and Autoclave Room.
14. Scheduled Waste Store.
15. Computer (Bioinformatics) Laboratory.



## Future Planning

Laboratory equipment at the City Campus will be moved to Tembila Campus when it is completed and in operation by the year 2011. Some of the newest equipment such as Scanning Electron Microscope (SEM), High Performance Liquid Chromatography-Mass Spectrometer (HPLC-MS-MS) and Nuclear Magnetic Resonance (NMR) will be acquired by then.

## Future Collaborations

This laboratory is currently supporting the East Coast Economic Region (ECER) implementations. It is foreseen that future collaborations with other laboratories and industries (including SMI) will enhance agricultural biotechnology research networking inside and outside Malaysia.

## Biochemistry Laboratory

The Biochemistry Laboratory is involved in teaching and learning for students of the Faculty of Agriculture and Biotechnology. Each class session can cater up to 50 students. The courses taught include biochemistry, plant physiology, weed science, soil science, plant protection and related courses. The practical sessions include spectrophotometer application, pH and buffer preparation, methods of protein determination, principles and uses of chromatography, enzyme assay and theory of centrifugation. This enables graduates and postgraduates in sciences to do related plant and agricultural

laboratory and biological research in sciences.

## Microbiology Laboratory

The purpose of Microbiology Laboratory is for students to learn about some of the basic microbiology to operate





modern test and measurement systems used in agriculture and biotechnology applications. This laboratory has excellent facilities and equipment for teaching-learning and research to sustain plant production and for the transformation of agricultural products. The increasing demand for an environmentally friendly agriculture requires new application of beneficial microorganisms, which could work as tools for the conservation of soil fertility in the mainframe of agricultural productive processes. The studies focus on practical laboratory of cultural, morphological, serological and biochemical quantitative and qualitative evaluations to isolate and identify microorganisms.

#### **Plant and Animal Tissue Culture Laboratory**

This laboratory specializes in tissue culture studies and

biology research in which fragments of tissue from an animal or plant are transferred to an artificial environment in which they can continue to survive and function.

#### **Chemistry Laboratory**

The chemistry laboratory is now equipped with modern facilities and equipment purchased for general learning and research on chemical composition, especially the natural products analysis and synthesis.

#### **Microscopic and Histology Laboratories**

The purpose of these laboratories is for studying the microscopic structures of tissues or organ in anatomical structure for cytology and histology studies. Currently the Microscopic Laboratory is also involved in herbarium preparation and storage of herbarium specimen vouchers.



# Seni

# & KEBUDAYAAN

## PERSEMBAHAN KOIR & NYANYIAN SOLO



Pada 9 Januari 2009, Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) Kampus Kota telah mengadakan Majlis Perasmian Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan serta Pengumuman Penawaran Program Ijazah Sarjana Muda Perubatan & Pembedahan UDM. Majlis ini dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak.

Pusat Seni & Warisan, Universiti Darul Iman Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk mengetuai bahagian persembahan pada majlis tersebut. Sehubungan dengan itu, demi kesesuaian majlis, persembahan nyanyian solo dan koir telah disediakan oleh Pusat Seni & Warisan.

Nyanyian solo dinyanyikan sendiri oleh staf Pusat Seni & Warisan iaitu Pn. Wan Norsahirah Dalillah

Wan Suruji dan seorang penyanyi jemputan iaitu Wan Shuaib Wan Suruji yang merupakan johan bintang kecil anjuran Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Antara lagu-lagu yang dipersembahkan pada hari tersebut ialah Gelombang, Debaran Cinta, Ku Mahu dan Gemilang. Kumpulan koir UDM pula disertai oleh 60 orang pelajar. Kumpulan koir ini turut mempersembahkan beberapa buah lagu iaitu lagu Negaraku dan lagu rasmi UDM iaitu Ilmu Demi Faedah Insan.

Dengan adanya persembahan ini sekaligus menyemarakkan lagi majlis perasmian yang penuh bersejarah buat Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan khasnya dan Universiti Darul Iman Malaysia keseluruhannya.

## KELAB PANTUN UDM BERJAYA MENGALAHKAN TUAN RUMAH

Pasukan Pantun UDM baru-baru ini telah menyertai Pesta Pantun Bestari anjuran Universiti Malaya (UM) pada 5-8 Februari 2009. Sebanyak 11 buah universiti dari seluruh Malaysia telah menyertainya iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Darul Iman Malaysia (UDM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Perlis (UnIMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Malaysia (USM), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPTM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Walaupun tidak berjaya ke peringkat akhir, pasukan kita tetap berjaya meraih tempat keempat dalam peringkat suku akhir dan berjaya mengalahkan pasukan dari tuan rumah iaitu Universiti Malaya (UM).

Pasukan pantun kita diwakili oleh Muhammad Shukri b. AB. Raof, Nik Zaini b. Pee, Maimunah bt. Zukeri dan Siti Zulaikha

bt. Bakhtiar bersama Pegawai Pengiring dari PSW iaitu En. Syahariman A. Manaf.

Ini merupakan permulaan yang sangat baik bagi pasukan Pantun UDM. Diharapkan pasukan kita akan lebih berjaya pada masa akan datang.



## DE-MAHAMERU PERJUANGKAN LAGU-LAGU RAKYAT TERENGGANU

Mungkin ramai yang tidak mengetahui tentang kewujudan mereka, namun mereka sebenarnya adalah kelab yang pertama berdaftar dengan Pusat Seni & Warisan. Kelab mereka diberi nama De-Mahameru iaitu 'Dendang Mahasiswa Melayu Baru'. Pada awalnya kumpulan ini mempunyai 25 orang ahli yang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan.

Uniknya kumpulan De-Mahameru ini ialah mereka memperjuangkan lagu-lagu rakyat negeri Terengganu yang jarang diminati oleh anak muda zaman sekarang. Dengan tertubuhnya kumpulan ini, anak-anak muda terutama pelajar UDM khasnya dapat mengetahui tentang keistimewaan lagu-

lagu rakyat yang dinyanyikan dengan loghat Terengganu yang asli. Antara lagu-lagu yang dipersembahkan oleh kumpulan De-Mahameru ialah Watimang Landok, Pintal Tali, Anok Udang, Ulek Badang dan Kolek Berkolek.

Kumpulan De-Mahameru aktif mengadakan pertunjukan di dalam mahu pun di luar universiti bagi memenuhi undangan. Sekarang kumpulan De-Mahameru maju setapak lagi kehadapan dengan membuka peluang kepada pelajar-pelajar junior untuk sama-sama menyertai kumpulan mereka untuk terus memperjuangkan lagu-lagu rakyat Terengganu agar tidak luput ditelan zaman.



## PERTANDINGAN TARIAN KUDA KEPANG MAKUM ANTARA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM 2009

Pasukan Kuda Kepang UDM yang diberi nama 'Jeran Geni Pawana' yang membawa maksud 'Kuda Api' telah menyertai Petandingan Tarian Kuda Kepang MAKUM Antara Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia 2009 pada 19-23 Mac 2009 bersama 8 buah Universiti dari seluruh tanah air.



## STAFF PSW BERJAYA MEWAKILI TERENGGANU DALAM PERTANDINGAN BINTANG KLASIK 2009 PERINGKAT ZON TIMUR

Bertempat di RTM Terengganu pada 17-18 April 2009 diadakan saringan pertandingan bintang klasik 2009. Sebanyak 10 buah lagu telah diberikan untuk dipilih oleh para peserta. Antara lagu-lagu yang diberikan ialah Mungkin Bersama, Tangisan di Waktu Malam, Sejuta Bunga, Menimbang Rasa, Diambah Senja, Dengan Cinta Ku Bina Istana, Sukma Rindu, Tunggu Sekejap, Curahan Hati dan Siapa Dia.

Saringan peringkat awal dimulakan seawal 9.00 pagi dan berakhir pada 5.00 petang pada hari pertama iaitu 17 April 2009 disambung pula pada kesokan harinya dengan masa yang sama.


Kemuncak pertandingan ialah di malam 18 April 2009 yang menyaksikan 10 orang peserta berentap untuk mewakili negeri Terengganu ke peringkat seterusnya iaitu peringkat zon timur yang dijangka berlangsung pada bulan Jun nanti.

Tuah membawakan lagu yang sama iaitu mungkin bersama nyanyian asal Ahmad Jais, kemenangan milik Tuan Izad Izuddin dan Mohd Najib Hamzah. Manakala pemenang bagi kategori wanita pula disandang oleh Wan Norsahirah Dalillah Wan Suruji (Staf PSW) dengan membawakan lagu "Dengan Cinta Ku Bina Istana" nyanyian asal oleh Salamiah Hassan dan Nur Amalisa Juraimi yang menyanyikan lagu "Tunggu Sekejap" nyanyian asal oleh Rafeah Buang.

Keempat-empat peserta yang layak ke peringkat zon menerima piala, wang tunai, hamper dan cenderahati daripada pihak RTM. Manakala semua pemenang saguhati menerima wang tunai, hamper dan juga cenderahati daripada pihak RTM.



# ... dari Naib Canselor



S1. Pada mula-mula memegang jawatan Naib Canselor, apakah jangkaan dan harapan Y.Bhg.Dato' dalam menerajui Universiti Darul Iman Malaysia?

J1. Ketika mula-mula memegang jawatan Naib Canselor Universiti Darul Iman Malaysia, masyarakat Negeri Terengganu begitu teruja dan menaruh harapan yang tinggi untuk melihat sebuah universiti baru yang akan memberi sumbangan besar kepada pembangunan dan kemajuan komuniti. Harapan masyarakat untuk melihat sumbangan dan peranan UDM tersebut adalah satu amanah dan cabaran yang perlu saya pikul memandangkan sebagai sebuah universiti baru, UDM perlu merancang, menyelaras dan membangunkan aspek-aspek seperti struktur organisasi universiti, sistem kerja, prasarana, sumber manusia, peningkatan budaya kerja dan sebagainya selaras dengan kedudukannya sebagai sebuah universiti.

Selain daripada senario tadi, pembentukan klinik universiti sebagai satu warga yang bersatu dan saling bantu membantu dalam merealisasikan visi dan misi universiti juga merupakan satu cabaran kepada saya. Ini memandangkan sebagai sebuah universiti baru, kita mempunyai klinik yang baru dan saling berbeza di antara satu sama lain dari sudut budaya kerja, struktur dan peraturan organisasi, sistem pengurusan, corak perkhidmatan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, saya jangkakan dan ini adalah harapan saya, Insya Allah dengan berkat dan inayah-Nya dan menerusi komitmen yang tinggi daripada semua pihak, UDM akan berjaya melalui cabaran-cabarannya. Saya yakin UDM akan berjaya muncul sebagai sebuah universiti yang disegani menerusi kelahiran para sarjana dan mahasiswa/i yang berkualiti sepertimana yang diidamkan oleh masyarakat sekeliling.

Warga universiti perlu komited dan berganding bahu dalam menghayati dan menjayakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang menekankan 7 teras iaitu:

1. Meluaskan akses dan meningkatkan kualiti tinggi
  2. Menambahbaik kualiti pengajaran-pembelajaran
  3. Memperteguhkan penyelidikan dan inovasi
  4. Memperkasakan institusi pengajian tinggi
  5. Mempergiatkan pengantarabangsaan
  6. Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat
  7. Mengukuhkan sistem penyampaian kementerian pengajian tinggi.
- S2. Apakah dasar-dasar utama universiti yang telah dibentuk selama ini? Khasnya tentang pengajaran-pembelajaran dan penyelidikan?
- J2. Dasar-dasar utama universiti ini bukanlah sewenang-wenangnya boleh dibuat. Kita perlu berasaskan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) sepertimana yang dinyatakan sebelum ini, sememangnya dasar

utama universiti tidak boleh lari dari garis panduan PSPTN ini.

Dasar-dasar utama UDM termasuklah dasar berkaitan dengan wawasan universiti, hal ehwal pelajar, pentadbiran, pengurusan sumber manusia, pembangunan infrastruktur, hal ehwal akademik dan sebagainya.

Kita menekankan soal pengajaran-pembelajaran dan penyelidikan. Kita mahu produk kita hebat. Ini kerana saya sedar bahawa cabaran mereka amat besar apabila keluar nanti. UDM tidak mahu mereka sekadar menggenggam ijazah tanpa ada pengalaman. Ramai ada ijazah tetapi bila masuk ke alam pekerjaan dalam industri contohnya, mereka terpaksa mendapat latihan semula untuk melengkapkan diri.

Dalam konteks pengajaran-pembelajaran dan penyelidikan, ia memang merupakan aspek utama yang diberi penekanan yang serius oleh UDM. Ini bagi memastikan UDM dapat mencapai sasarannya mengikut halatuju dan jangkaan masa yang telah ditetapkan.

Untuk memastikan penghasilan output (pelajar) yang berkualiti, UDM sedang mempertingkatkan jumlah pensyarah berkelulusan PhD, memantapkan kaedah pengajaran para pensyarah, memberi peluang kepada pelajar untuk mengalami pembelajaran secara praktikal dan realistik menerusi program Latihan Industri dan interaksi bersama masyarakat, penambahbaikan prasarana serta kemudahan akademik dan lain-lain lagi.

Para pensyarah telah disyaratkan untuk menghasilkan penyelidikan dan penerbitan. Ini bertujuan untuk memastikan para mahasiswa/i UDM sentiasa mendapat maklumat yang kontemporari dan terkini disamping memantapkan kesarjanaan para pensyarah itu sendiri.

S3. Bagaimanakah Y. Bhg. Dato' melaksanakan dasar universiti tersebut dan sejauh mana kejayaannya?

J3. Melalui struktur pentadbiran UDM kita memberi kuasa kepada jabatan-jabatan, unit-unit tertentu yang ada dalam universiti. Mana-mana tindakan yang dilaksanakan akan dipantau dan memastikan ia akan berjaya sepertimana yang dirancang.

Kejayaan 2007 menjadi sebuah universiti penuh amat membanggakan di mana irungan kejayaan yang boleh diukur dalam tempoh 3 tahun ini adalah UDM berjaya membuka Fakulti Perubatan serta pengambilan pertama dibuat pada bulan Julai ini. Pelajar dalam kursus ini akan menggunakan Hospital Sultanah Nur Zahirah sebagai tempat latihan. Keduanya, ialah



#### **Bioinformatics Laboratory**

The bioinformatics laboratory is fully equipped with seventy-two computers and internet access. It is divided into three laboratories: Laboratory 1 (18 computers), Laboratory 2 (18 computers) and Laboratory 3 (36 computers). These laboratories are available for demonstrations of biocomputing techniques by using real data with real biocomputing software to apply theory learned in lectures to experimental settings; yielding an advanced understanding of evolution, form and function.

Additionally, this laboratory is provided with an online service with multimedia software.

#### **Post-Graduate Research Laboratory**

This laboratory is utilized by post-graduates including PhD students working on research related studies. It is also used for some undergraduate research work. The laboratory provides facilities that includes Gas Chromatography-Mass Spectrometry (GC-MS) and High Performance Liquid Chromatography (HPLC).



## PROGRAM KARYAWAN MUDA

Pada 20 Oktober tahun lalu, Kementerian Penerangan menerusi 2 Jabatan di bawahnya iaitu Jabatan Filem Negara, Malaysia (FNM) dan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) telah menganjurkan Program Karyawan Muda dimana pertandingan ini diadakan bagi mencungkil bakat pengarah muda di Malaysia. Rancangan Program Karyawan Muda yang durasinya 60 minit disiarkan di RTM pada setiap Sabtu dan Ahad bermula 7 Mac 2009 sehingga 29 Mac 2009.

Universiti Darul Iman Malaysia telah menyahut cabaran untuk menyertai Festival ini dengan menghantar 3 buah filem pendek yang bertajuk 'Merokok VS, ..... "Pensyarah dan Ilmu'.

Seramai 25 orang pelajar dari kelab teater UDM yang terdiri daripada lelaki dan perempuan telah bertungkus-lumus menjayakan rakaman ketiga-tiga filem pendek tersebut yang

diketuai oleh pengaruhnya iaitu Mohd Hanafi Yunus (pelajar UDM) dan suntingan video yang telah disiapkan oleh En. Mohd Zulkifli Abd. Wahab (Penolong Pegawai Kebudayaan PSW). Antara lokasi-lokasi yang telah dipilih untuk rakaman ketiga-tiga filem pendek ialah Asrama Baru UDM, Cafe UDM dan Pantai Tok Jembal Kuala Terengganu.



Pada 18 April 2009, pelajar UDM selaku pengarah filem iaitu Mohd Hanafi Yunus dan En. Mohd Zulkifli Abd. Wahab telah dijemput untuk menghadiri Malam Anugerah Karyawan Muda yang diadakan di Angkasapuri, Kuala Lumpur dan disiarkan secara langsung di TV2. Pada malam tersebut Universiti Darul Iman diumumkan sebagai antara 10

yang terbaik diantara 40 penyertaan. Ini membuktikan bahawa pelajar UDM juga berbakat dalam seni lakonan dan diharapkan agar pelajar-pelajar ini akan terus berkarya pada masa akan datang.

## FESTIVAL NASYID DI NILAM PURI MERIAH

## OUTREACH PROGRAMME

Pada 4 dan 5 Mac 2009 bertempat di Universiti Malaya Nilam Puri, Kota Bharu, telah berlangsungnya Festival Nasyid Institut Pengajian Tinggi Negeri Kelantan sempena Hari Terbuka Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri.

Justeru itu, Pasukan Nasyid Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) iaitu Kumpulan Interacsee telah menyertai Festival tersebut bagi mewakili UDM. Pasukan yang terdiri daripada 6 orang peserta ini telah mendapat tempat Naib Johan dalam festival yang diadakan dan berjaya membawa pulang piala, hamper, plak irungan dan sijil penyertaan.

Dengan membawakan 2 buah lagu iaitu 'Tiada Dua Hanya Satu' yang dicipta khas oleh Pengarah PSW dan 'Minda Madani Ummah Bestari', Kumpulan ini berjaya menewaskan Universiti yang turut bertanding pada hari tersebut.

Pada 8 April 2009 Pusat Seni & Warisan (PSWL) Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) telah melaksanakan satu outreach program dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Nilam, Kuala Terengganu. Sekolah ini menjadi sekolah pertama di Terengganu yang dijadikan sekolah perintis untuk melatih pelajar-pelajar bermain Alat Muzik Gamelan Terengganu.

Pelajar-pelajar ini telah diberi pendedahan secara asas bermula dari sejarah keagungan gamelan Terengganu, cara permainan alat muzik, etika dan peradaban serta disiplin pemain gamelan yang rata-ratanya tidak diketahui umum.

Program ini amat berguna diadakan kerana pelajar-pelajar akan dapat mendalami salah satu kesenian istana yang juga merupakan tinggalan warisan budaya kita seawal yang mungkin supaya warisan ini akan terus dikenali, diwarisi dan dihargai oleh golongan muda zaman sekarang dan diharapkan dengan terlancarnya program ini Gamelan Terengganu akan terus dipelihara untuk manfaat pada masa akan datang.



penubuhan Fakulti Pertanian dan Bioteknologi dalam tempoh yang singkat. Fakulti juga sekarang sudah ada hampir 200 pelajar

Selain daripada itu, kejayaan dari segi pertambahan kakitangan sepertimana yang saya nyatakan peringkat awal tadi, sebahagian besar iaitu 99 peratus kakitangan KUSZA telah menyertai UDM. Walau bagaimanapun kesesuaian dan keperluan kakitangan yang berkualiti amat perlu untuk memantapkan lagi pentadbiran UDM. Justeru itu, kita telah menambah kakitangan mengikut keperluan.

Penawaran kursus-kursus baru jugat turut melambangkan suatu kejayaan bagi pihak universiti dimana pengambilan pelajar baru bagi sesi 2009/2010, terdapat 3 kursus baru yang ditawarkan iaitu :

1. Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan
2. Ijazah Sarjana Muda Dietetik
3. Ijazah Sarjana Muda Sains Haiwan

Penyelidikan kita juga sudah mula mendapat perhatian dan ruang oleh pihak-pihak tertentu dimana kita telah mendapat kepercayaan dengan memperolehi geran penyelidikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sains, ECER (contohnya Halal Herb, ladang herba) dan sebagainya. Ringkasnya, penyelidikan kita berorientasikan masyarakat setempat.

S4. Apakah cabaran utama dalam pembangunan akademik UDM?

J4. Cabaran itu adalah:

1. Prasarana.

Infrastrukturnya bergantung kepada peruntukan yang diberikan oleh kerajaan. Perlaksanaannya pula kita rasa boleh siap dalam jangka waktu yang pendek tetapi berkemungkinan ada penangguhan kerja dan kekangan yang lain.

2. Sumber manusia

Kita memerlukan kakitangan yang berkualiti sesuai dengan tuntutan akademik dan dalam jangka waktu yang cepat. Justeru, kita telah dan akan terus menghantar para pensyarah muda untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana dan PhD. Ramai juga di kalangan siswazah muda yang cemerlang dalam akademiknya kita pilih menerusi temuduga untuk dihantar ke luar dan dalam negara bagi melanjutkan pelajaran.

Sepeninggalan pensyarah-pensyarah UDM selama 3 tahun untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi telah melibatkan kos tambahan kerana membabitkan pengambilan pensyarah sambilan atau kontrak, dan bagi saya, ini juga satu cabaran kepada universiti.

S5. Sejauh mana sumbangan UDM dalam pendidikan tinggi dan khidmat masyarakat kepada negeri Terengganu khasnya?

J5. Sumbangan universiti boleh dilihat berdasarkan bilangan graduan yang dihasilkan oleh universiti. Walau bagaimanapun, kita perlu peka bahawa graduan itu bukan sahaja dilihat dari segi jumlah keluarannya tetapi kualiti graduan yang dihasilkan itu adalah sumbangan paling penting dalam pendidikan tinggi. UDM telah

berjaya menyediakan peluang pendidikan tinggi kepada golongan muda dan belia. Malah ketika ini kita sudahpun mempunyai para pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat sarjana dan PhD di UDM.

Khidmat masyarakat ini pula sudah tentu kita mahu dilihat sebagai satu entiti yang dapat memberi 'direct service' kepada masyarakat. Contohnya, Prof. Dr. Mohd Zubaidi, yang merupakan pakar surgeri. Selain membantu universiti dalam ilmu perubatan kepada pelajar, beliau juga berkhidmat sebagai pakar bedah di Hospital Sultanah Nur Zahirah.

Begitu juga dalam penyelidikan ubi gadong contohnya. Kajian yang dilakukan merupakan satu khidmat sosial yang dapat membantu industri. Universiti tiada peruntukan untuk mewujudkan sebuah syarikat tetapi khidmat penyelidikan dapat mengenalpasti faktor-faktor penambahbaikan dalam sesuatu bahan mentah yang mana ia dapat dimanfaatkan oleh masyarakat setempat khasnya dan industri pertanian amnya. Ini bermakna khidmat sosial atau sumbangan yang diberi bukan sahaja setakat khidmat nasihat tetapi juga pelbagai aspek.

S6. Adakah Y. Bhg. Dato' berpuas hati dengan pencapaian graduan pada konvokesyen ini?

J6. Semestinya saya berpuas hati dengan graduan pada majlis konvokesyen pertama UDM ini kerana mereka telah lulus cabaran pengajian selama ini dan yang paling saya berpuas hati pada konvokesyen kali pertama ini, universiti berjaya menghasilkan kumpulan pertama graduan Ijazah Sarjana Muda dalam jangkamasa yang singkat walaupun ia adalah kumpulan pelajar yang diserapkan daripada KUSZA.

Kita hendak melihat pencapaian ini meningkat tahun demi tahun dan kita harap pada majlis konvokesyen akan datang, kita dapat melahirkan graduan pascasiswazah pula.

S7. Apakah harapan Y. Bhg. Dato' yang hendak disuntik kepada UDM dalam menghadapi cabaran pendidikan tinggi dan politik masa kini?

S7. Pemahaman warga UDM sama ada pelajar, kakitangan akademik ataupun kakitangan pentadbiran secara universal iaitu memahami fungsi universiti. Kita mahu menjadikan UDM itu pusat ilmu di mana warganya berilmu dan menekankan budaya ilmu itu sendiri. Peningkatan budaya ilmuan ini secara tidak langsung dapat melonjakkan universiti.

Contohnya, kewujudan Pusat Islam dan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, masing-masing mempunyai peranan tersendiri. Pusat Islam akan lebih kepada khidmat terus kepada masyarakat melalui penganjuran-penganjuran program keagamaan yang dibuat. Manakala Fakulti Pengajian Kontemporari Islam pula akan memberi tumpuan kepada pengajaran-pembelajaran dan penyelidikan yang merangkumi bidang-bidang pengajian Islam dan sains sosial.

Saya mengharapkan suatu hari nanti UDM menjadi rujukan pihak luar dalam hal-hal semasa yang berkaitan dengan pengajian Islam. Bagi mencapai harapan ini, kita semua perlu berubah ke arah yang lebih baik.

# Aktiviti Pelajar

## THE 2009 PHILIP C. JESSUP INTERNATIONAL LAW MOOT COURT COMPETITION (NATIONAL LEVEL)

Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) telah menghantar satu pasukan untuk menyertai pertandingan peringkat kebangsaan "The 2009 Philip C. Jessup International Law Moot Court Competition". Pertandingan yang dianjurkan oleh "International Law Students Association" ini merupakan

pertandingan yang terbesar dan tertua sekali di dunia dan ia diadakan secara dua (2) peringkat iaitu pusingan kelayakan di peringkat kebangsaan dan pusingan akhir di peringkat antarabangsa. Untuk tahun ini, pertandingan peringkat kebangsaan telah diadakan pada 20 hingga 22 Februari 2009 yang lalu bertempat di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ini merupakan kali pertama pelajar-pelajar undang-undang daripada UDM menyertai pertandingan yang sangat berprestij ini yang berpusat di Washington D.C., USA. Pasukan ini diketuai oleh Encik Nazli bin Ismail @ Nawang (Pensyarah FUHA) selaku pengurus pasukan dan lima (5) 'mooters' dan sepuluh (10)

'researchers'. Selain daripada UDM, tujuh (7) universiti lain yang turut menghantar pasukan masing-masing ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Multimedia Malaysia (MMU) dan Kolej Taylor.

Tujuan penyertaan ke pertandingan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar FUHA mengenai pertikaian undang-undang antarabangsa selaras dengan soalan pertandingan pada tahun ini yang bertemakan 'operation provide shelter'. Walaupun secara kesuluruhan pasukan UDM berada di tangga kelapan (8), pencapaian individu "mooters" UDM adalah ditangga ke-19, 22, 27 dan 30 daripada 33 orang "mooters".

Justeru itu, penyertaan kali ini sangat bermakna dan ia menjadi motivasi buat para pelajar UDM untuk menyertai pertandingan moot lain di masa hadapan.

– Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa

## NATIONAL CLIENT COUNSELING COMPETITION 2009

Buat julung-julung kalinya Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa, UDM telah menghantar satu pasukan yang terdiri daripada dua (2) orang peserta (pelajar) untuk menyertai Harun M.Hashim National Client Counseling Competition 2009 anjuran Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Hubungan Antarabangsa (COLGIS), Universiti Utara Malaysia yang juga merupakan tuan rumah untuk pertandingan kali ini (2009). Pertandingan ini telah diadakan pada 21 Februari 2009 (Sabtu) yang lalu yang bertemakan "Negligence and Related Tort Claims". Pertandingan ini diketuai oleh Encik Fuad bin Husaini (Pensyarah FUHA) selaku pengurus pasukan.

Pertandingan ini antara lain bertujuan untuk memilih peserta untuk mewakili Malaysia dalam Louis M. Brown International Client Counseling Competition 2008 yang akan berlangsung di Nevada, USA pada Mei 2009 akan datang disamping meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran para mahasiswa/i undang-undang supaya lebih terserlah dalam bidang kaunseling anak guam.

Peserta-peserta pertandingan tersebut adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Darul Iman Malaysia (UDM).

– Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa

## 10 TH ENGLISH LANGUAGE CAMP

From 11<sup>th</sup> until 21<sup>st</sup> May, Faculty of Languages and Communication organised the 10<sup>th</sup> English Language Camp for students of Diploma in Teaching English as a Second Language (TESL) students. 100 students participated consisting of 44 from Semester 4 and 56 from Semester 2. The objectives of this camp are to:


- train students to speak only English as a medium of communication effectively.
- teach students to co-operate among themselves and to build leadership qualities.
- cultivate the sense of responsibility among the students.
- enable students to apply soft skills in their everyday lives .

This English Language Camp was held on KUSZA Campus (indoor) and Kapas Island (outdoor). There were so many fun activities such as 'What's your team?', 'Nice to know you... interacting with foreigners', 'Book Jacket', 'Boria Performance',

'Motivational Talk', 'Song Visualization', and so much more where the most importantly, students enjoyed themselves and the medium used was English.

On the last day of the camp, students participated in the 'Island Clean Up' programme, in collaboration with Malaysian Nature Society (MNS), Kuala Terengganu branch, and Kapas Island Resort from 9 – 12 noon. There were several reasons why this island was chosen. This island has a breathtaking view, but recently it was polluted, so, this programme was able to help clean the island and create healthy environment. It was hoped that the programme would create the sense of responsibility of keeping the island clean to those who go to the island and not to litter the island. Just imagine in only three hours 68 bags of rubbish were collected!

– Fakulti Bahasa dan Komunikasi



## ARABIC - MALAY TRANSLATION WORKSHOP

Faculty of Languages and Communication, UDM had organised a workshop on Arabic – Malay Translation from 9<sup>th</sup> - 11<sup>th</sup> April at Bukit Kluang Beach Resort Besut, Terengganu. 25 participants consisting of lecturers from Faculty of Languages and Communication, Contemporary Islamic Studies, Law and International Relations, and UDM Islamic Centre attended this workshop. The objectives of this workshop are to:

- expose lecturers with the correct technique of translation in Arabic – Malay.
- encourage lecturers to translate articles and books.
- gain knowledge and to encourage lecturers to publish academic writings.

This workshop was facilitated by two experts in translation and they're also the members of Malaysian Translation Society: Yg. Bhg. Prof. Dr. Muhammad Bukhairi Lubis from Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) and Yg. Bhg. Dr. Muhammad Fauzi bin Jumingan from Universiti Putra Malaysia (UPM).

– Fakulti Bahasa dan Komunikasi



## UDM POSTGRADUATE POSTERDAY 2009

Pada 17 Jun 2009, 'UDM POSTGRADUATE POSTERDAY 2009' telah diadakan di UDM Kampus Kota. Program ini adalah anjuran bersama oleh Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Pertanian dan Bioteknologi dan Fakulti Teknologi Makanan dengan kerjasama Pusat Pengurusan Pascasiswazah UDM. Tujuan utama penganjuran program ini adalah untuk memantapkan lagi kapasiti dan keupayaan penyelidikan di kalangan penyelidik UDM yang terdiri daripada ahli akademik dan para penuntut pascasiswazah serta memberi peluang kepada penuntut pascasiswazah untuk mengasuh kepakaran

iaitu Dato' Prof. Dr. Alias Daud. Program ini telah disertai oleh 26 orang pascasiswazah dari UDM Kampus Kota. Daripada 26 poster yang dipertandingkan 3 poster yang terbaik telah dipilih berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Bagi menilai persembahan poster-poster ini tiga orang pengadil telah dilantik iaitu Prof. Dr. Wan Omar Abdullah (UPM), Prof. Madya Dr. Mohamed Senawi Mohamed Tamin (UDM) dan Prof. Madya Dr. Izah Mohd Tahir (UDM). Seterusnya, bagi melengkapkan program ini satu ceramah mengenai etika dalam menjalankan penyelidikan telah disampaikan oleh Prof. Dr. Wan Omar Abdullah (UPM).



dalam membentangkan hasil penyelidikan mereka. Selain itu, ia juga menjadi tempat perkongsian idea dan percambahan idea-idea baru di kalangan para penuntut pascasiswazah dan ahli-ahli akademik dalam memantapkan lagi aktiviti penyelidikan di UDM.

Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Prof. Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif bagi mewakili Naib Canselor UDM

Kemuncak program ini adalah penyampaian sijil kepada pemenang-pemenang poster terbaik bagi 'UDM POSTGRADUATE POSTERDAY 2009' yang mana telah dimenangi oleh Zakiah Mustapha yang bertajuk 'Screening of Explants, Basal Media and Hormones for In-Vitro Propagation of Selected Lines of Ficus deltoidea and Histological Study of Callus Origin'. Pemenang yang lain adalah Wong Sok Yee yang bertajuk 'Consumption of Dark Cocoa Vs. Local Delicacy: Outcomes on Depression, Anxiety and the Well-Being of Palliative Care Patients' dan Nur Rashidah Maidin yang bertajuk 'Some Morpho-Anatomical and Phytochemical Aspects and Their Taxonomic Significance in The Herbal Plant Keladi Tikus (Typhonium flagelliforme)'. Majlis penutupan program ini dijalankan pada sebelah petang hari yang sama dan telah disempurnakan oleh Prof. Dr. Mohd Affandi Muhamad selaku Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

## EKSPEDISI KAYAK MARANG KE KAMPUNG JENANG

Tanggal 3 April 2009 satu ekspedisi berkayak di bawah anjuran kursus Kokurikulum Kayak, Pusat Kokurikulum HEPA diadakan. Ekspedisi ini bermula di jeti Marang dan berakhir di Kampung Jenang yang merupakan salah satu kampung di daerah Marang. Ekspedisi berkayak ini mengambil masa 3 jam perjalanan.

Pada jam 7:30 pagi para peserta tiba di Marang dan diberi taklimat program serta langkah-langkah keselamatan yang perlu diutamakan di sepanjang ekspedisi tersebut.

Ekspedisi ini dirasmikan oleh Bendahari UDM, Tuan Haji Baharin Bin Salim @ Abdullah dan diiringi oleh beberapa pegawai pengiring yang dilantik. Selain itu, program ini turut mendapat sokongan daripada pihak Bomba Terengganu dan Persatuan Kanu Terengganu. Aktiviti berkayak ini melibatkan 120 orang peserta dengan 40 buah kayak dan 4 buah bot peronda untuk tujuan penyeliaan.

Ekspedisi berkayak ke Kampung Jenang bermula lebih kurang jam 9:00 pagi dan para peserta berlepas dengan baik. Setelah 3 jam perjalanan para peserta berjaya sampai ke destinasi yang dituju dengan selamat dan disambut dengan meriah oleh penduduk Kampung Jenang.

Penginapan para peserta diuruskan oleh penduduk kampung dan di sana para peserta diberi pendedahan tentang kehidupan dan suasana kampung serta kegiatan ekonomi yang dijalankan di kampung tersebut seperti pemprosesan manisan, air nira

dan pembuatan atap rumbia. Aktiviti kemasyarakatan seperti pembersihan balai raya kampung turut dijalankan sebagai membala jasa mereka.

Pada keesokan hari, 4 April 2009, jam 9:00 pagi para peserta memulakan persiapan untuk berkayak pulang ke Marang dan para peserta tiba dengan selamat di jeti Marang pada jam 12:00 tengahari.

Secara keseluruhannya para peserta berjaya memulakan dan menamatkan aktiviti berkayak dengan baik tanpa sebarang kecemasan dan kecederaan yang serius. Dalam program ini para peserta bukan sahaja diberi pendedahan tentang realiti sebenar sukan kayak malah turut diterapkan dengan kemahiran insaniah di sepanjang program tersebut.

- Pusat Kokurikulum



## SYARAHAN AKADEMIK UDM KEBEBASAN KEHAKIMAN: CABARAN DAN HARAPAN

Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Darul Iman Malaysia telah menganjurkan satu Syarahan Akademik UDM Siri 1 untuk tahun 2009 yang bertajuk 'Kebebasan Kehakiman: Cabaran dan Harapan'. Syarahan ini telah diadakan pada 22 Februari 2009 (Ahad) bertempat di Dewan Kuliah Utama, UDM Kampus KUSZA dari pukul 11.00 pagi hingga 1.00 tengahari. Syarahan ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan, yang juga merupakan Profesor Adjung FUHA, iaitu Yang Arif Dato' Bentara Istana Dato' Nik Hashim bin Nik Ab. Rahman (Hakim Mahkamah Persekutuan Malaysia).

Antara tujuan program ini dijalankan ialah untuk memberi pendedahan tentang kedudukan kebebasan kehakiman di Malaysia dan kepentingan peranan kehakiman yang bebas dan berwibawa serta mencari penyelesaian untuk

mengelakkan sebarang campur tangan eksekutif terhadap kebebasan badan kehakiman negara.

Program ini telah berjalan dengan baik dan lancar serta diserikan lagi dengan kehadiran pihak pengurusan tertinggi UDM. Seramai 228 orang peserta hadir ke program ini yang terdiri daripada staf akademik dan pentadbiran UDM, wakil Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, wakil Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, wakil Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu dan pelajar-pelajar UDM.

– Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa



## SYARAHAN UMUM AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN 2008) SUATU ANJAKAN PARADIGMA

Persatuan Mahasiswa FUHA dengan kerjasama Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa, UDM telah menganjurkan satu Syarahan Umum bertajuk 'Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan 2008) : Suatu Anjakan Paradigma' pada 26 Mac 2009 (Khamis) bertempat di Dewan Kuliah Utama, UDM Kampus KUSZA bermula pukul 2.00 petang hingga 4.30 petang. Syarahan ini telah disampaikan oleh salah seorang panel dalam penggubalan AUKU (Pindaan 2008) iaitu Y. Bhg. Prof. Dr. Shaik Mohd Noor Alam bin S. M. Hussein yang merupakan Pengarah Bahagian Perundangan, Universiti Putra Malaysia.

Program ini bertujuan memberi pendedahan dan pemahaman disamping merungkaikan persoalan yang selama ini bermain di minda warga kerja universiti sama ada staf akademik mahu pun pentadbiran dan juga di kalangan mahasiswa/i sendiri berkaitan pindaan terbaru AUKU.

Program ini telah berjalan dengan lancar seperti yang dirancangkan dan mendapat sambutan yang memberangsangkan terutama daripada para mahasiswa/i dan kakitangan Universiti Darul Iman Malaysia.

– Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa



## KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI DARUL IMAN MALAYSIA



Universiti Darul Iman Malaysia menyediakan 4 buah kolej kediaman untuk memberikan keselesaan penginapan kepada mahasiswa/i. Kolej-kolej Kediaman tersebut dinamakan dengan Kolej Kediaman A, Kolej Kediaman B, Kolej Kediaman C dan Kolej Kediaman D.

Memandangkan kolej kediaman yang terdapat di UDM ini agak besar maka baru-baru ini Jawatankuasa Perumahan dan Kebajikan Pelajar atau lebih dikenali sebagai JPKP telah dilantik untuk membantu pihak pengurusan kolej kediaman. Pihak pengurusan kolej-kolej kediaman diketuai oleh pengetua dan buat masa ini belum dilantik, dibantu oleh pengurus asrama, penolong-penolong pengurus asrama, penyelia, kerani dan pekerja rendah am. JPKP yang dilantik itu dengan harapan dapat membantu pihak pengurusan membangunkan kolej dalam menjalankan aktiviti-aktiviti berbentuk ilmiah, keagamaan, sukan, riadah, khidmat masyarakat dan lain-lain yang berkaitan dengan kolej kediaman.

Pelantikan jawatan tersebut dijalankan secara pemilihan iaitu dipilih oleh para pelajar yang menginap di kolej kediaman

masing-masing. Proses pemilihan tersebut bermula dari penamaan calon hingga hari pemilihan yang berlangsung pada 15 Februari, 2009. Pemilihan untuk jawatan tersebut berjaya menarik minat pelajar-pelajar untuk menjadi calon. Sepanjang proses pemilihan JPKP, pelbagai aktiviti diatur untuk memberi peluang kepada calon-calon untuk mendekati para penghuni kolej masing-masing. Calon yang berjaya melalui pemilihan tersebut dilantik mengikut jawatan yang dipilih dan dipertandingkan. Perlantikan JPKP telah memudahkan perjalanan aktiviti di kolej kediaman dijalankan dan pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti gotong royong perdana, kempen derma darah, sambutan Maulidur Rasul, forum bingkisan siswa dan pelbagai aktiviti lain.

Selain dari itu, pihak pengurusan kolej kediaman juga berusaha menambahbaik dan mempertingkatkan kemudahan yang terdapat di kolej kediaman kepada pelajar-pelajar dari masa ke semasa, bagi memberi kepuasan kepada pelajar-pelajar

- Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Akademik



# Seminar & Bengkel

## CERAMAH, TAKLIMAT DAN BENGKEL ANJURAN UNIT CERAMAH MOTIVASI & PAMERAN KERJAYA

Tanggal 8 Januari 2009, Unit Kaunseling & Kerjaya, HEPA telah menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja Negeri Terengganu dengan menghantar 40 orang mahasiswa UDM bagi menyertai program ceramah motivasi dan pameran kerjaya bertempat di Sek. Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu.

Pelbagai maklumat kerjaya dan ceramah diadakan bagi memberi pendedahan dan melengkapkan diri pelajar dalam menghadapi dunia kerjaya. Antara penceramah yang diundang ialah Mejar Dr. Faiz Khaleed, Angkasawan Kedua Negara yang merupakan ikon job malaysian.

Program ini telah dirasmikan oleh YB. Dato' Noraini Ahmad iaitu Timbalan Menteri Sumber Manusia.

– Unit Kaunseling & Kerjaya HEPA



### BENGKEL TATACARA MENGHADIRI TEMUDUGA

Unit Kaunseling & Kerjaya (HEPA) telah menganjurkan Bengkel 'Tatacara Menghadiri Temuduga' untuk mahasiswa/i tahun akhir pada 20 Februari 2009 (Jumaat) bertempat di Dewan Kuliah Utama, Kampus KUSZA, UDM dengan penglibatan mahasiswa/i UDM seramai 209 orang pelajar.

Ceramah ini telah disampaikan oleh Tn. Ahmad bin Tn. Abu Bakar, Pengurus ANF Synergy. Antara objektif bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa/i tentang teknik persediaan sebelum, semasa dan selepas menghadiri temuduga, mendedahkan kepada pelajar mengenai teknik-teknik untuk berjaya dalam temuduga, membina keyakinan diri dan untuk meningkatkan 'soft skills' dalam menjawab soalan-soalan temuduga.

– Unit Kaunseling & Kerjaya HEPA



### BENGKEL PERANCANGAN KERJAYA

Bengkel Perancangan Kerjaya telah diadakan pada 27 Februari 2009 di Blok Othman dengan penyertaan seramai 113 orang pelajar.

Antara objektif bengkel ini adalah untuk membentuk perspektif yang betul tentang kerjaya dan perancangan persiapan diri dalam melangkah alam kerjaya, pendedahan tentang realiti alam kerjaya dari segi pasaran, persaingan peluang dan masa depan, membantu mengenal pasti potensi, kekuatan diri, seterusnya membantu mengenal pasti kelemahan dan kesilapan lazim mahasiswa dalam perancangan kerjaya dan langkah menanganinya serta mendedahkan peserta dengan ujian psikologi minat kerjaya dan ujian personaliti.

Taklimat dan pembentangan bengkel telah dijalankan oleh Encik Muhamad Khairil Fuad bin Hj. Che Ab. Razak iaitu Pengarah Urusan dan Perunding Utama Konsultan Asasins Resources & Training.

– Unit Kaunseling & Kerjaya HEPA



## BENGKEL 'SMART STUDY LEARNING SKILLS'

Bengkel 'Smart Study Learning Skills' telah diadakan pada 13 Mac 2009 dengan penyertaan seramai 105 orang mahasiswa/i UDM bertempat di Dewan Kuliah Utama, UDM Kampus KUSZA. Antara pengisian program ialah membina penetapan matlamat dan menghapuskan halangan minda dalam menempuh kejayaan. Selain itu pelajar didekah dengan kemahiran teknik belajar yang berkesan.

Pelajar-pelajar juga didekah dengan teknik 'presentation skills' dan ujian psikologi dalam mengenali gaya belajar.

Rata-rata mahasiswa/i UDM menyambut baik program ini kerana telah berjaya memberi pendedahan kemahiran belajar yang berkesan untuk meningkatkan kecemerlangan akademik.



## BENGKEL PENGURUSAN STRESS MENJELANG PEPERIKSAAN

Unit Kaunseling & Kerjaya (HEPA) telah menganjurkan Mini Bengkel Pengurusan Stres Menjelang Peperiksaan pada 16 April 2009 (Khamis) bertempat di Unit Kaunseling & Kerjaya (HEPA).

Antara pengisian mini bengkel ini ialah teknik persediaan psikologi dalam menghadapi peperiksaan dan cara terbaik mengurus stres menjelang peperiksaan. Antara teknik pengurusan stres yang didemonstrasikan meliputi teknik urutan, meditasi, kawalan nafas dan lain-lain lagi oleh Pn. Rosni bt. Mohammad, Pegawai Psikologi UDM.


Mini bengkel ini akan dijadikan acara yang berterusan setiap semester menjelang musim peperiksaan bagi mengatasi dan mengurangkan tekanan di kalangan mahasiswa/i UDM.



## BENGKEL 'FINANCIAL PLANNING WORKSHOP'

Unit Pembangunan Pelajar dengan Kerjasama Unit Kaunseling & Kerjaya (HEPA) telah menganjurkan 'Financial Planning Workshop' pada 20 – 21 Mac 2009 bertempat di Dewan Kuliah Utama, UDM Kampus KUSZA dengan penyertaan seramai 140 orang yang terdiri daripada mahasiswa/i Fakulti Pengajian Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan.

Antara objektif program ialah untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan merancang ekonomi, mendedahkan mahasiswa/i dalam dunia kerjaya berkaitan insurans dan pengurusan kewangan dan seterusnya membantu mahasiswa/wi merancang kewangan seperti pengurusan kewangan Islam, pengurusan hutang, pengagihan harta pusaka dan pendidikan kewangan untuk keluarga dan anak-anak.



## TAKLIMAT KERJAYA KEWANGAN


Amm Assurance Berhad, Kuala Terengganu telah menganjurkan Taklimat Kerjaya Kewangan untuk mahasiswa/i UDM tahun akhir pada 10 Februari 2009 (Selasa). Taklimat Kerjaya Kewangan ini telah disertai seramai 50 orang mahasiswa/i semester akhir kursus Diploma Kewangan UDM. Pelajar telah diberi pendedahan berkaitan kerjaya yang dapat diteroka setelah tamat pengajian.

Seterusnya, pada 13 Februari 2009, seramai 50 orang mahasiswa/i tahun akhir Fakulti Pengajian Perniagaan dan Perakaunan telah hadir ke taklimat kerjaya yang disampaikan oleh wakil Syarikat Uni. Asia / DRB-HICOM, Kuala Terengganu.

Objektif kedua-dua taklimat kerjaya ini bagi membantu memberi pendedahan berkaitan kerjaya dan peluang-peluang kerjaya yang boleh diteroka selepas tamat pengajian.



# Falak





## Balai Cerap Unit Falak UDM

Asalnya bidang ilmu falak mula diperkenalkan pada tahun 1990 dengan tertubuhnya Unit Falak, Sekolah Pengajian Umum KUSZA. Bermula 2007, Unit Falak ini dikekalkan di bawah pentadbiran Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, sehingga sekarang, apabila KUSZA diserapkan menjadi Universiti Darul Iman Malaysia. Unit Falak KUSZA bertanggungjawab memberikan perkhidmatan pendidikan dan latihan bidang falak serta menyediakan sumber maklumat falak yang sistematis.

Dengan objektif mengembangkan bidang astronomi di Terengganu khususnya dan Malaysia amnya, sebuah balai cerap (observatorium) dibina di atas Bukit Merang pada tahun 1992 dan siap sepenuhnya pada tahun 1995.

Balai cerap ini diletakkan di bawah pentadbiran kampus KUSZA dan diselia oleh Unit Falak. Balai ini menjadi salah sebuah tempat rukyah rasmi anak bulan di Malaysia dan dikenali sebagai Balai Cerap KUSZA.



# Birds

Anuar McAfee - Fakulti Bahasa dan Komunikasi

In its efforts to promote environmental awareness, University Darul Iman has initiated several studies concerning flora and fauna at both the Besut and Kusza campus. A recently completed survey detailed avifauna found at the UDM Kusza campus. 116 species of birds from 46 different families were recorded over the study period, August to December 2008. This impressive number, over 25% of all species known to occur in Terengganu, included both domestic and migrant birds.

UDM Kusza campus is able to attract such a variety of birds because it offers wildlife three essential components;

food, shelter and security. The clean freshwater lake and surrounding wetlands provide ample food and shelter for many bird species. At the same time, the open areas on campus are not subject to human disturbance and as a result, offer security to wildlife that can often be threatened elsewhere.

The rich diversity of birdlife on campus not only demonstrates UDM's commitment to environmental issues, but also provides a colourful and interesting backdrop to campus life for those that take a moment to stop, look and listen.




Great Cormorant *Phalacrocorax carbo*



Purple Heron *Ardea purpurea*



Intermediate Egret *Mesophoyx intermedia*



Black Baza *Aviceda leuphotes*



Oriental Honey-Buzzard *Pernis ptilorhyncus*



Brahminy Kite *Haliastur indus*



Slaty-breasted Rail *Gallirallus striatus*



Purple Swamphen *Porphyrio porphyrio*



Oriental Pratincole *Glareola maldivarum*



Common Kingfisher *Alcedo atthis*



Chestnut-headed Bee-eater *Merops leschenaultii*



Indian Roller *Coracias benghalensis*



Oriental Pied Hornbill *Anthracoceros albirostris*




Pied Fantail *Rhipidura javanica*




Olive-backed Sunbird *Nectarinia jugularis*

All photos taken at UDM, Kusza Campus by Anuar McAfee



Flora Kampus KUSZA,  
Universiti Darul Iman Malaysia



### AJARAN SESAT

Ajaran sesat dalam Islam atau amalan yang dibawa yang mendakwa ajaran Islam, sedangkan pada bertentangan dan berlawanan dengan al-Quran dan mutabar dan bertentang ini mengupas persoalan takrif, penggasasannya. Pengarang ini menulis ini muncul sejak zaman pertama yang dikenali sebagai Ahl-un-Sunnah wa-al-Jamaah. Ajaran sesat ini berasal dari Terengganu di antara Ahl-un-Sunnah wa-al-Jamaah. Ayah Pin yang antara sebagai tuhan. Bukan kumpulan Ahl-un-Sunnah wa-al-Jamaah yang diajarkan di Negeri Terengganu.

ENGKU AHMAD ZAKI  
Ahmad Zaki bin Engku Alwi  
Holding a PhD in Islamic Studies from Universiti Malaya and currently working as a lecturer at Universiti Darul Iman, Kuala Terengganu. He has published numerous articles and books on Islamic issues, particularly on the concept of Takfir and its application in contemporary Malaysia. He is also involved in community work and has been invited to speak at various Islamic forums and conferences.

Penerbit  
UDM  
<http://www.udm.edu.my>

RM20.00

9 789839 842333

### JURNAL ISLAM dan Masyarakat Kontemporer

ISSN 1985-7667

Jil. 1, Julai 2008/Rejab 1429

Diterbitkan oleh Penerbit Universiti Darul Iman Malaysia Kampus KUSZA, Gong Banting, 21300 Kuala Terengganu Terengganu Darul Iman, M.  
<http://www.udm.edu.my>

Diterbitkan oleh Penerbit Percetakan Yayasan Islam Terengganu Lot SK 53, Kawasan Perindustrian 21300 Kuala Terengganu Terengganu Darul Iman, M.

Penerbit  
UDM



Fakulti Pengajian Kontemporer dalam  
UNIVERSITI DARUL IMAN MALAYSIA

Jurnal Cetak Pendidikan Islam

- Kata Aluan Dekan Fakulti Pengajian Kontemporer Islam
- Rencana Pengarang
- Pengajian Takmir Masjid di Terengganu: Sambutan Masyarakat Islam - Engku Ahmad Zaki Engku Alwi
- Mukhtalif al-Hadith: Wacana Perbahasan Kontradiksi Hadith - Rahaizan Baru
- Amalan Pemberian Mas Kahwin di Malaysia - Zurita Mohd Yusoff
- Salik dan Majdhub dari Perspektif Ilmu Tasawuf - Abdul Manam Mohamad
- Kitab Peti Rahsia Susunan Haji Nik Mahmud bin Ismail: Satu Penelitian Terhadap Sumber-sumber Penghujahannya - Norhafizah Mat Yusoff, Hasanuldin Mohd & Abdul Manam Mohamad
- Pengajaran Balaghah Peringkat STPM di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) - Abdul Hakim Abdullah
- Reaksi Kepimpinan MTUC Terhadap Hak Pekerja Semasa Berlakunya Krisis Ekonomi Dunia - Che Wan Takwa Che Wan Abu Bakar
- Pandangan Masyarakat Islam Terengganu Terhadap Enakmen Kesalah Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002 - Zulkifli Mohd, Syed Mohd Azmi Syed Abdul Rahman, Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Mohd Ali Mohd Yusof

### AJARAN SESAT DI NEGERI TERENGGANU

Ajaran sesat dalam Islam boleh ditafsirkan sebagai sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa ajaran dan amalan tersebut berdasarkan ajaran Islam, sedang pada hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dan berlawanan dengan akidah Islamiah, bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah, bertentangan dengan mazhab yang muktabar dan bertentangan dengan ahl-al-Sunnah wa al-Jamaah. Buku ini mengupas persoalan ajaran sesat di Terengganu dengan meberikan takrif, pengasasannya, pembenterasan serta beberapa aspek lain. Pengarang ini menilai ajaran sesat daripada sudut akidah. Ajaran sesat ini muncul sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Di antara kumpulan pertama diketahui adaah kumpulan yang diketuai oleh al-Aswad al-'Unsi dan Musaylamah al-Kadhdhab. Dan sehingga sekarang pun ajaran sesat ini berkembang dalam pelbagai bentuk dan ciri. Di Terengganu di antara kumpulan baru yang dikenali ialah kumpulan Ahay Pin yang antara lain ketuanya dikatakan pernah mendakwa dirinya sebagai tuhan. Buku ini juga membentangkan usaha pembenterasan kumpulan Ahay Pin dan kumpulan ajaran sesat lain, khasnya melalui institusi yang diamanahkan dalam mentadbir dan membangun Islam di Negeri Terengganu.

Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi, Ph.D mendapat ijazah kedoktoran dari Universiti Malaya. Sekarang menjadi pensyarah kanan dan Timbalan Dekan, Fakulti Pengajian Kontemporer Islam, Universiti Darul Iman, Kuala Terengganu. Beliau aktif menulis buku, rencana ilmiah dan rencana untuk majalah dan akhbar dalam bidang Islam. Selain itu dalam penyelidikan beliau memfokus dalam perkembangan ulama negeri Terengganu. Beliau juga ketua editor jurnal sulung UDM, Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporer dan ahli sidang pengarang majalah Al-Fikrah, terbitan MAIDAM - Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.

### JURNAL ISLAM DAN MASYARAKAT KONTEMPORARI

- Kata Aluan dekan Fakulti Pengajian Kontemporer Islam
- Rencana Pengarang
- Pengajian Takmir Masjid di Terengganu: Sambutan Masyarakat Islam - Engku Ahmad Zaki Engku Alwi
- Mukhtalif al-Hadith: Wacana Perbahasan Kontradiksi Hadith - Rahaizan Baru
- Amalan Pemberian Mas Kahwin di Malaysia - Zurita Mohd Yusoff
- Salik dan Majdhub dari Perspektif Ilmu Tasawuf - Abdul Manam Mohamad
- Kitab Peti Rahsia Susunan Haji Nik Mahmud bin Ismail Satu Penelitian Terhadap Sumber-sumber Penghujahannya - Norhafizah Mat Yusoff, Hasanuldin Mohd & Abdul Manam Mohamad
- Pengajaran Balaghah Peringkat STPM di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) - Abdul Hakim Abdullah
- Reaksi Kepimpinan MTUC Terhadap Hak Pekerja Semasa Berlakunya Krisis Ekonomi Dunia - Che Wan Takwa Che Wan Abu Bakar
- Pandangan Masyarakat Islam Terengganu Terhadap Enakmen Kesalah Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002 - Zulkifli Mohd, Syed Mohd Azmi Syed Abdul Rahman, Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Mohd Ali Mohd Yusof